



No.28 Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang 53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-40213343 Faks: 03-40255609

Rujukan kami : GMSSB/staff-07/2024

29 Julai 2024
23 Muharram 1446

ENCIK AMIRUN IZZAT BIN AMRAN

Assalamu'alaikum wbt

Saudara,

TAWARAN JAWATAN SEBAGAI PEGAWAI MULTIMEDIA

Dengan hormat dan sukacita dimaklumkan bahawa dengan ini, Saudara ditawarkan jawatan sebagai **Pegawai Multimedia bertaraf kontrak (satu tahun)** di syarikat kami dengan **gaji RM 2,000.00 dan elaun sebanyak RM 200.00 sebulan**. Syarat-syarat tawaran yang lain terkandung di dalam lampiran yang disertakan.

Apabila menerima tawaran ini, saudara juga telah bersetuju dengan segala syarat dan peraturan bekerja yang telah ditetapkan oleh syarikat termasuk tugas yang akan diberikan dari semasa ke semasa oleh Ketua Jabatan berdasarkan keperluan.

Sila tandatangan keratan penerimaan sebagai persetujuan pihak Saudara terhadap tawaran ini dan kembalikan kepada pihak kami **sebelum atau pada 6 Ogos 2024**.

Sekian, terima kasih dan Selamat Berkhidmat.

Yang benar

NUR HAFIZAH BINTI IBRAHIM
Ketua Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia

Sk :
1. Ketua Pegawai Eksekutif
2. Ketua Pegawai Kewangan
3. Fail

LAMPIRAN

Syarat-syarat Tawaran

1. **Jawatan** : PEGAWAI MULTIMEDIA
2. **Status** : KONTRAK
3. **Gaji** : RM 2,000.00
4. **Elaun** : RM 200.00
5. **Tarikh Mula** : 1 Ogos 2024

6. **Faedah Perkhidmatan**

Caruman KWSP, PERKESO dan EIS.

7. **Cuti**

Peruntukan cuti adalah EMPAT BELAS (14) HARI setahun.

8. **Waktu Bekerja*****

| Hari | Tempoh |
|--|--|
| Isnin hingga Jumaat | 9.00 pagi hingga 5.00 petang |
| Sabtu dan Ahad | Cuti Am (tertakluk kepada perubahan) |
| Rehat dan Makan Tengahari Hari Jumaat | 1.00 petang hingga 2.00 petang 12.30 tengahari hingga 2.30 petang |

*** Tertakluk kepada perubahan semasa Jabatan masing-masing.

9. **Penamatan Perkhidmatan**

Sepanjang tempoh percubaan, kedua-dua pihak, pekerja dan majikan dikehendaki memberikan SATU (1) BULAN notis sekiranya berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan di syarikat ini.

10. **Rahsia Syarikat**

Dengan tanpa persetujuan syarikat ataupun tidak diberi kuasa untuk bertindak dalam lingkungan menjalankan tugas seperti yang diperuntukkan oleh syarikat, anda dilarang memberitahu, mendedah dan membuka peluang untuk diketahui kepada pihak ketiga secara langsung atau tidak langsung, di mana-mana akhbar, majalah atau media elektronik dan media sosial (FB, Twitter, Instagram, Whatsapp, Telegram dll) sebarang bentuk maklumat bersabit soal perniagaan, kewangan, transaksi, yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada syarikat.

11. **Kepentingan Syarikat**

Dengan tanpa keizinan bertulis syarikat, anda dilarang dari terdorong, terbabit atau mengikat diri secara langsung atau tidak langsung, dengan balasan upah atau secara sukarela, dalam sebarang bentuk pekerjaan, pelaburan atau perniagaan selain daripada pekerjaan yang diamanahkan oleh syarikat.

12. **Spesifikasi Kerja**

Anda dikehendaki memberikan ketaatan penuh kepada syarikat pada setiap masa dengan mendahulukan kepentingan syarikat mengatasi kepentingan peribadi. Anda harus dapat dan cuba menyesuaikan diri dengan tuntutan dan keperluan syarikat pada kadar difikirkan munasabah dalam konteks memajukan syarikat.

13. **Manual Skim Perkhidmatan**

Kakitangan adalah tertakluk kepada peraturan syarikat yang diperjelaskan secara terperinci dalam Manual Skim Perkhidmatan Pekerja. Manual ini boleh didapati pada bila-bila masa di Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia / Ketua Jabatan sebagai bahan rujukan tetapi tidak diizinkan untuk dibawa keluar dari premis syarikat.

jpsm/2024

KERATAN PENERIMAAN

Saya mengaku memahami akan surat tawaran ini, syarat-syarat tawaran dan menerima tawaran ini.

.....
Tandatangan

.....
Nama :
No. K/P :